



KENYATAAN MEDIA HARI KE-30

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Kerajaan Negeri melalui Sabah COVID-19 Command Centre ingin memaklumkan bahawa kebenaran beroperasi yang dikeluarkan sebelum ini bagi perkhidmatan *essential goods dan essential services* serta semua kebenaran khas dilanjutkan sehingga 28 April 2020 mengikut Tatacara Pengoperasian yang telah ditetapkan.

Pada hari ini, Kerajaan Negeri juga telah memutuskan seperti berikut:

1. **PERGERAKAN *ESSENTIAL GOODS* DAN *ESSENTIAL SERVICES* (SETIAP HARI MULAI JAM 6.00 PAGI HINGGA 6.00 PETANG)**

Kerajaan Negeri ingin menjelaskan bahawa semua pergerakan dan pengangkutan *essential goods* dan *essential services* di antara daerah (*inter-district*) adalah dibenarkan.

- a). **Bagi kenderaan perdagangan** yang membawa *essential goods* dan *essential service*, bilangan pekerja yang dibenarkan di dalam sesebuah kenderaan hendaklah tidak melebihi bilangan pekerja yang dinyatakan dalam permit.
- b). **Bagi peniaga-peniaga kecil yang menggunakan kenderaan persendirian** membawa *essential goods* (hasil pertanian, hasil penternakan, hasil perikanan dan hasil laut sahaja) adalah dibenarkan.

2. PUSAT SERVIS PENYEDIA PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI YANG MENDAPAT KEBENARAN BEROPERASI OLEH SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)

Kerajaan Negeri membenarkan syarikat telekomunikasi untuk membuka **Pusat Perkhidmatan Telekomunikasi** dan beroperasi tiga (3) hari seminggu (Isnin, Rabu dan Jumaat) mulai jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki memastikan **Pusat Perkhidmatan Telekomunikasi** mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan yang ditetapkan.

3. PERKHIDMATAN SYARIKAT-SYARIKAT POS DAN KURIER YANG DILESENKAN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN POS 2012

Kerajaan Negeri memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat pos dan kurier untuk beroperasi setiap hari mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki memastikan syarikat-syarikat pos dan kurier mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan yang ditetapkan.

4. PELEPASAN KARGO DI PELABUHAN SABAH

Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa kebenaran telahpun diberi kepada Sabah Port Sdn Bhd melalui Kementerian Pembangunan Infrastruktur untuk mengeluarkan semua kargo dari gudang di pelabuhan-pelabuhan di Sabah mulai 15 April hingga 17 April 2020. Keputusan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kesesakan gudang dan kawasan penyimpanan kargo di pelabuhan dan hendaklah selaras dengan SOP yang ditetapkan.

5. KEDAI PAJAK GADAI

Kerajaan Negeri memutuskan untuk tidak membenarkan operasi Kedai Pajak Gadai kerana aktiviti ini tidak tersenarai sebagai "*essential services*" di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempat Jangkitan) (No.3) 2020.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
16 April 2020 | 11.00 Malam